

Anwar, Prabowo mahu lihat Asia Barat aman

BERITA HARIAN 29 JUN 2025

m/s: 3

Jakarta: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkongsi hasrat sama dengan Presiden Indonesia, Prabowo Subianto, untuk melihat keamanan tercapai, bukan sahaja di antara Israel dengan Iran, tetapi juga di seluruh rantau Asia Barat.

Meluahkan rasa lega terhadap perkembangan terkini gencatan senjata sementara antara Israel dan Iran, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Indonesia mengemam sekeras-kerasnya kejayaan berterusan Israel yang mengakibatkan pembunuhan beramai-ramai di Gaza.

Beliau berkata, Malaysia konsisten dalam menyuarakan bantahan tegas terhadap pencerobohan dan pelanggaran Israel ke atas Iran, serta menyokong Iran untuk mempertahankan kedaulatan dan maruahnya.

“Tapi yang penting, seperti disentuh Presiden (Prabowo), ada keinginan kita bersama untuk perdamaian tercapai, bukan sahaja antara Iran dan Israel, tapi seluruh Asia Barat,” kata Anwar sambil berharap Palestin dapat menjadi sebuah negara yang bebas dan berdaulat.



Anwar diiringi Prabowo memeriksa kawalan kehormat presiden sebelum mengadakan pertemuan di Istana Merdeka, Jakarta, kelmarin.

(Foto AFP)

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media bersama selepas pertemuan dua hala di Istana Merdeka di sini petang kelmarin.

Terdahulu, Prabowo berkata, Malaysia dan Indonesia akan terus menggalakkan penyelesaian

secara damai oleh semua pihak, serta menyambut baik gencatan senjata antara Israel dan Iran.

“Kami berharap proses ini dapat diteruskan ke arah perdamaian. Hanya *two-state solution* yang bisa mengakhiri pertikaian ini.

“Indonesia dan Malaysia memandang perlu ada satu upaya kolektif global untuk mendorong penyelesaian konflik secara damai,” kata beliau sambil menambah Indonesia juga akan terus menyokong kemerdekaan Palestin. **BERNAMA**